

KEDUDUKAN NAFKAH ORANG HILANG (AL-MAFQUD) SEMASA TEMPOH PENANTIAN DALAM ISLAM

THE STATUS OF PROVISION FOR THE MISSING PERSON (AL- MAFQUD) DURING THE WAITING PERIOD IN ISLAM

Abd Shakor Borham*

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM),
Persiaran Tun Dr. Ismail, 86400 Parit Raja, Johor, Malaysia.

Nor Amira Abd Shakor

Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM),
43600 Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

Mohd Zamro Muda

Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM),
43600 Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

**Corresponding Author's Email: shakor@uthm.edu.my*

Article History:

Received : 26 August 2025

Accepted : 3 November 2025

Published : 24 December 2025

© Penerbit Universiti Islam Melaka

To cite this article:

Borham, A. S., Abd Shakor, N. A. & Muda, M. Z. (2025). Kedudukan Nafkah Orang Hilang (Al-Mafqud) Semasa Tempoh Penantian Dalam Islam. *Jurnal 'Ulwan*, 10(2), 83-96.

ABSTRAK

Kertas kerja ini membincangkan berkaitan kedudukan hak nafkah bagi keluarga (isteri, anak-anak, dan ibu bapa) apabila suami selaku pencari nafkah hilang dalam tempoh yang lama, atau dikenali sebagai *al-mafqud*. Persoalan utama ialah bagaimana status nafkah tersebut dan bolehkah harta orang hilang itu digunakan untuk menyara tanggungan sepanjang tempoh kehilangan sehingga statusnya disahkan sama ada ditemui semula atau diberi anggapan mati. Penulisan ini akan merungkai persoalan tentang status nafkah ke atas orang hilang sepanjang tempoh kehilangan dan kedudukan harta tersebut bagi menyara tanggungannya semasa tempoh penantian dalam Islam. Perbincangannya akan melibatkan pandangan ulama berkaitan kewajipan memberikan nafkah ke atas orang hilang atau *al-mafqud* serta mengkaji pihak yang bertanggungjawab menguruskan nafkah *al-mafqud* sepanjang tempoh penantiannya. Analisis dalam penulisan ini melibatkan dua keadaan *al-mafqud* iaitu *al-mafqud* sebagai orang yang menanggung nafkah dan *al-mafqud*

sebagai orang yang ditanggung hak nafkah. Kajian ini menggunakan metodologi kualitatif dengan menganalisis sumber-sumber primer dan sekunder seperti kitab dan artikel ilmiah untuk memahami pandangan ulama dan pihak yang bertanggungjawab dalam urusan nafkah *al-mafqud*. Berdasarkan perbincangan kertas kerja ini merumuskan bahawa kedudukan nafkah oleh suami selaku orang hilang *al-mafqud* adalah wajib dilaksanakan sepanjang tempoh kehilangannya dan kewajipan pemberian nafkah ini hanya kepada isteri dan anak-anak. Hasil penulisan ini diharapkan akan dapat memberikan panduan kepada ahli keluarga yang terlibat dalam isu *al-mafqud* mengenai hak nafkah dan pihak yang bertanggungjawab untuk melaksanakannya sepanjang tempoh penantian.

Kata kunci: hak nafkah, jenis nafkah, nafkah isteri, nafkah anak, orang hilang

ABSTRACT

This paper discusses the status of maintenance rights for the family (wife, children, and parents) when the husband as the breadwinner disappears for a long period, or known as al-mafqud. The main question is what the status of the maintenance is and whether the missing person's property can be used to support his/her dependents during the period of disappearance until his/her status is confirmed, whether he/she is found again or presumed dead. This paper will discuss the issue of the status of maintenance for the missing person during the period of disappearance and the position of the property to support his/her dependents during the waiting period in Islam. The discussion will involve the views of scholars regarding the obligation to provide maintenance for the missing person or al-mafqud as well as studying the party responsible for managing the al-mafqud maintenance during the waiting period. The analysis in this paper involves two situations of al-mafqud, namely al-mafqud as the person who provides maintenance and al-mafqud as the person who is liable for the maintenance. This study uses qualitative methodology by analyzing primary and secondary sources such as books and scientific articles to understand the views of scholars and parties responsible for al-mafqud maintenance. Based on the discussion, this paper concludes that the position of maintenance by the husband as a missing person al-mafqud is mandatory throughout the period of his disappearance and the obligation to provide maintenance is only to the wife and children. The results of this writing are expected to be able to provide guidance to family members involved in the al-mafqud issue regarding maintenance rights and the parties responsible for implementing them throughout the determination period.

Keywords: maintenance rights, types of maintenance, wife maintenance, child maintenance, missing person

1.0 PENGENALAN

Nafkah merupakan salah satu kewajipan yang perlu ditunaikan oleh setiap suami ke atas isteri apabila berlaku perkahwinan, hubungan kekeluargaan dan pemilikan ke atas hamba. Islam menetapkan seorang suami akan bertanggungjawab dan

berkewajiban untuk memberikan nafkah zahir dan batin terhadap isterinya. Pensyariatan ini sesuai dengan keupayaan dan kemampuan yang dianugerahkan Allah SWT ke atas suami bagi memastikan supaya hak dan kehidupan ahli keluarga terbela dan terpelihara. Selaku ketua keluarga, suami berkewajiban untuk memberikan nafkah terhadap isteri, anak-anak dan kedua ibubapa. Pemberian nafkah terhadap isteri adalah suatu penghargaan atas khidmat dan pengorbanan yang diberikan kepada suami. Manakala nafkah terhadap anak-anak pula, merupakan bukti kasih sayang seorang bapa terhadap anak-anak dan nafkah terhadap kedua ibubapa dianggap sebagai suatu sumbangan dan jasa keduanya dalam mendidik dan membesarkan anak.

Namun begitu, suatu yang tidak diduga boleh berlaku ke atas suami selaku pencari nafkah apabila suami hilang dalam tempoh yang lama dan tidak diketahui statusnya sama ada hidup atau mati (*al-mafqud*). Sebagai contoh, kes kehilangan pesawat MH370 yang berlaku pada 8 Mac 2014 telah melibatkan seramai 227 orang penumpang dan 12 orang anak kapal. Sehingga kini, semua mangsa didapati hilang dan tidak diketahui statusnya, manakala pesawat tersebut masih belum dapat ditemui. Berdasarkan peruntukan undang-undang semua mangsa yang terlibat telah diberikan anggapan mati oleh Mahkamah Tinggi. Justeru, penulisan ini akan mengupas berkaitan kedudukan nafkah orang hilang semasa tempoh penantian memandangkan nafkah adalah hak yang perlu ditunaikan oleh suami terhadap isteri dan anak-anak.

2.0 KEDUDUKAN ORANG HILANG (AL-MAFQUD) DALAM ISLAM

Setiap tanggungjawab yang diberikan ke atas seseorang individu dalam Islam adalah wajib ditunaikan namun apabila berlaku sesuatu yang menghalang dan tidak dapat dilaksanakan maka Islam memberikan keringanan (*rukhsah*) untuk melaksanakan tanggungjawab tersebut. Begitu juga nafkah, seorang suami wajib untuk menunaikan nafkah terhadap isterinya namun kewajipan tersebut gugur sekiranya isteri tersebut melakukan nusyuz dan sebagainya. Peristiwa suami hilang (*al-mafqud*) adalah suatu insiden yang berlaku secara tiba-tiba dan tidak diketahui tempoh lama kehilangannya. Perkataan *al-mafqud* berasal daripada kata kerja bahasa Arab iaitu "*faqada*" bererti hilang (Ibn Manzur, 1414; Majma' al-Lughah al-Arabiyah, 2004). Perkataan *al-mafqud* menggunakan kata nama *maf'ul* yang menunjukkan seseorang yang hilang. Manakala dari sudut istilah, ulama berbeza pandangan kerana ia ditafsirkan mengikut punca atau sebab kehilangan dan keadaan hilang seseorang.

Menurut Mazhab Syafie, *al-mafqud* ialah seseorang yang hilang dari tempatnya dalam suatu tempoh yang lama tanpa khabar berita dan tidak diketahui keberadaannya sama ada masih hidup atau telah meninggal dunia (al-Khin et al., 2015). Manakala Mazhab Hanafi pula mendefinisikan *al-mafqud* sebagai seseorang yang telah hilang daripada ahli keluarga dan negerinya kerana ditawan musuh dan tidak diketahui sama ada ia masih hidup atau telah meninggal dunia serta tidak diketahui keberadaannya dalam suatu tempoh yang lama (al-Musili, 2009). Menurut Mazhab Maliki *al-mafqud* sebagai seseorang yang telah terputus khabarnya mengikut empat keadaan iaitu orang hilang di negara Islam, orang hilang di negara bukan Islam, orang hilang ketika peperangan sesama muslim atau peperangan di

antara muslim dan kafir (al-Dusuqi, t.th.). Manakala Mazhab Hanbali pula *al-mafqud* sebagai seseorang yang tidak diketahui sama ada hidup dan mati serta terputus khabarnya melalui dua keadaan (al-Buhuti, t.th.). Pertama, seseorang yang terputus khabarnya dan secara zahirnya hilang bagi tujuan yang selamat seperti pergi melancong dan menuntut ilmu. Kedua, seseorang yang hilang atas tujuan yang bahaya dan kebiasaannya tidak akan kembali seperti hilang di negara yang sedang berperang.

Berdasarkan definisi-definisi yang dinyatakan, dapat disimpulkan bahawa *al-mafqud* adalah seseorang yang hilang dari tempat asalnya dalam suatu tempoh yang lama dan tidak diketahui keberadaannya sama ada hidup atau telah meninggal dunia. Di samping itu, ulama juga membahagikan *al-mafqud* kepada beberapa keadaan, di mana pembahagian ini bertujuan untuk menetapkan suatu tempoh penantian memandangkan kehilangannya kadangkala mengambil tempoh masa yang lama dan menyebabkan ahli waris tidak dapat manfaat sepanjang tempoh kehilangan tersebut. Penetapan tempoh juga akan dapat mengurangkan risiko harta orang hilang menjadi beku selain pengabaian hak nafkah terhadap tanggungannya.

Menurut Mazhab Syafie dan Hanafi, *al-mafqud* akan kekal dianggap sebagai orang yang hidup sehingga kematiannya dapat dibuktikan bagi menunjukkan ia benar-benar telah meninggal dunia (al-Ansari, 1998; al-Khin et al., 2015; al-Nawawi, 2005). Pembuktian tersebut berdasarkan penemuan mayat *al-mafqud* atau cebisan pakaian miliknya di laut sekiranya ia hilang tengah lautan akibat kapal karam dan sebagainya. Selain itu, ia mestilah bersandarkan kepada usaha pencarian yang berterusan dan akan mengambil tempoh masa yang lama. Manakala tempoh penantian pula ditetapkan dengan berdasarkan kesesuaian tempoh masa selepas kehilangannya. Sebahagian ulama menetapkan tempoh empat tahun dan sebahagian lagi mengikut umur kebiasaan seseorang itu meninggal dunia. Manakala pandangan Mazhab Maliki dan Hanbali, mereka membezakan penentuan tempoh masa berdasarkan kepada sebab kehilangan. Dalam situasi biasa, adalah berdasarkan kepada usia kebiasaan seseorang meninggal dunia seperti usia 120 tahun, 100 tahun dan sekiranya hilang semasa peperangan ulama berpendapat *al-mafqud* dianggap telah meninggal dunia.

Dari aspek harta *al-mafqud* pula, ulama bersepakat harta *al-mafqud* tidak boleh digunakan, dijual atau diagihkan kepada ahli waris yang lain sepanjang tempoh kehilangannya selagi ia belum disahkan meninggal dunia (al-Khin et al., 2015; al-Marghinani, 2008). Harta tersebut dianggap sebagai harta orang yang masih hidup dengan mengikut hukum asal bahawa seseorang itu adalah hidup (al-Khin et al., 2015). Jelasnya, seseorang perlu mendapatkan keizinan daripada pemilik harta sekiranya ingin menggunakan harta tersebut. Namun bagi situasi *al-mafqud*, lazimnya kehilangan itu berlaku secara tiba-tiba menyebabkan tidak ada seorang pun yang boleh mendapatkan keizinan untuk menggunakan harta tersebut sepanjang kehilangannya. Persoalannya, bagaimanakah kedudukan nafkah terhadap isteri dan anak-anaknya? Sekiranya wajib siapakah pihak yang akan menguruskan harta *al-mafqud* tersebut? Justeru, penulisan ini akan menghuraikan *al-mafqud* dalam dua perspektif iaitu *al-mafqud* sebagai orang yang memberi nafkah seperti suami atau bapa, dan *al-mafqud* sebagai orang yang ditanggung nafkah seperti isteri, anak-anak atau ibubapa. Selain itu, penulisan ini juga akan membincangkan kedua-dua

perspektif tersebut kepada tiga bahagian nafkah iaitu nafkah perkahwinan, nafkah anak-anak dan nafkah ibubapa.

3.0 KONSEP NAFKAH DALAM ISLAM

Nafkah berasal daripada perkataan bahasa Arab "*infaq*" yang bermaksud mengeluarkan, menghabiskan atau membelanjakan harta untuk tujuan kebaikan (al-Hisni, 2009; Ibn Manzur, 1414; Majma' al-Lughah al-Arabiyah, 2004). Dari sudut istilah, nafkah diertikan sebagai sesuatu yang dikeluarkan oleh seseorang kepada ahli keluarganya sama ada berbentuk harta, makanan, pakaian dan tempat tinggal (al-Zuhayli, 1989, 2017; Ibn Abidin, 1992). Ia adalah suatu bentuk kewajipan ke atas setiap lelaki sebagaimana firman Allah SWT:

Maksudnya: "Kaum lelaki adalah pemimpin bagi kaum perempuan kerana Allah SWT telah melebihkan sebahagian mereka (lelaki) atas sebahagian mereka (perempuan) dan kerana mereka memberi nafkah daripada hartanya". (Surah al-Nisa: 34)

Ayat ini menjelaskan bahawa Allah SWT telah meletakkan kelebihan dan tanggungjawab ke atas lelaki bagi memenuhi kesemua aspek yang diperlukan oleh perempuan. Namun ia dikhususkan kepada lelaki yang sudah baligh, berakal dan mempunyai kemampuan untuk mencari nafkah. Manakala bagi mereka yang tidak berkemampuan kerana masih kecil atau menghadapi masalah yang diterima syarak adalah tidak wajib menunaikannya seperti masalah gila, koma dan sebagainya. Tanggungjawab ini meliputi terhadap suami kepada isterinya, seorang bapa kepada anak-anaknya dan anak lelaki kepada kedua ibubapanya. Selain itu, kewajipan ini juga adalah seiring dengan kedudukan lelaki yang dinyatakan oleh Allah SWT sebagai pemimpin ke atas perempuan. Ia bertujuan bagi memastikan keperluan seseorang itu terjamin dan terpelihara dengan baik. Firman Allah SWT:

Maksudnya: "Hendaklah orang yang mampu memberikan nafkah menurut kemampuannya. Dan orang yang disempitkan rezekinya hendaklah memberi nafkah dari harta yang diberikan Allah kepadanya. Allah tidak memikulkan beban kepada seseorang melainkan sekadar apa yang Allah berikan kepadanya. Allah kelak akan memberikan kelapangan kepadanya sesudah kesempitan". (Surah al-Talaq: 7)

Berdasarkan ayat ini, Allah SWT menyatakan bahawa kewajipan yang ditetapkan tidak akan membebani seseorang sekalipun seseorang itu tidak berkemampuan. Secara umumnya setiap manusia dikurniakan rezeki yang berbeza mengikut kemampuannya dan rentetan itu, ulama meletakkan beberapa garis panduan dalam pemberian nafkah agar ia seiring dengan kewajipan yang ditetapkan oleh Allah SWT. Menurut mazhab Syafie, kewajipan nafkah adalah disebabkan tiga perkara iaitu perkahwinan, hubungan kerabat atau ahli keluarga yang dikhususkan syarak dan pemilikan di bawah tanggungannya (al-Hisni, 2009; al-Sharbini, 1994, 2000; Ibn Arafah, 2014). Mazhab Hanafi pula mengkhususkan kewajipan nafkah

kepada tujuh golongan iaitu nafkah isteri, pemilikan, anak-anak, ibu bapa, kaum kerabat yang haram dinikahi (*mahram*), kaum kerabat halal dinikahi (*ghayr mahram*) dan nafkah orang luar (al-Bukhari, 2004; al-Saghdhi, 1984). Manakala dalam sebuah hadis Nabi SAW menjelaskan bahawa nafkah perlu diberikan kepada lima golongan iaitu diri sendiri, isteri, anak-anak, kaum kerabat (ibubapa) dan pemilikan sebagaimana hadis baginda:

Maksudnya: "*Bersedekahlah*", Maka seorang lelaki bertanya: "*Wahai Rasulullah, aku mempunyai dinar*". Maka baginda menjawab: "*Sedekah untuk diri kamu sendiri*." Lelaki itu menjawab: "*aku mempunyai dinar lagi*." Baginda berkata: "*Sedekah kepada isteri kamu*." Lelaki itu menjawab: "*Aku mempunyai dinar yang lain lagi*." Baginda berkata: "*Sedekah kepada anak kamu*." Lelaki itu menjawab lagi: "*Aku mempunyai dinar yang lain lagi*." Baginda menjawab: "*Sedekahlah kepada hamba kamu*." Lelaki itu menjawab: "*Aku masih ada yang lain*." Baginda berkata: "*Kamu lebih tahu*". (Riwayat Abu Hurairah).

4.0 NAFKAH PERKAHWINAN

Nafkah perkahwinan merupakan nafkah yang wajib diberikan oleh suami kepada isteri disebabkan lafaz akad pernikahan. Akad perkahwinan merupakan sebuah perjanjian yang memindahkan tanggungjawab seorang ayah bagi anak perempuannya kepada seseorang yang bergelar suami secara mutlak. Tanggungjawab ini merangkumi penjagaan, pemeliharaan, perlindungan dan semua perkara yang diperlukan oleh isteri sama ada dari segi zahir dan batin.

Kewajipan nafkah terhadap isteri adalah disebabkan imbalan manfaat ke atas khidmat dan pengorbanan yang diberikan oleh isteri kepada suami. Islam mengangkat kedudukan isteri dan memuliakan kedudukan mereka memandangkan tugasnya sangat berat. Tugas isteri bukan sahaja mengandung, melahirkan, menyusukan, mendidik anak-anak, malah ia juga memelihara diri dan harta serta amanah suami dengan sebaiknya. Hal ini bertepatan dengan hadis Nabi SAW:

Maksudnya: "*Aku telah datang kepada Rasulullah SAW dan berkata: 'Apa yang Engkau ingin katakan mengenai isteri kami?' Baginda menjawab: 'Berilah mereka makan daripada apa yang telah kamu makan, dan berilah pakaian daripada apa yang kamu pakai, dan janganlah kamu pukul mereka serta janganlah kamu menghina mereka'*". (Riwayat Mu'awiyah al-Qusyairi. Sunan Abi Daud 2009. Hadis 2144)

Hadis ini menjelaskan mengenai nafkah dan keperluan isteri seperti makanan, pakaian dan hak menerima layanan yang baik daripada suami. Manakala pandangan al-Sharbini (2000), keperluan isteri meliputi tujuh perkara iaitu makanan, *al-idam* (sesuatu yang dimakan bersama roti), pakaian, alatan kebersihan seperti sabun dan syampu, perabot rumah, tempat tinggal dan pembantu rumah jika isteri memerlukannya. Sebahagian ulama memperincikan kewajipan nafkah yang perlu

diberi kepada isteri adalah pada setiap bulan memandangkan pengiraan tempohnya tidak terlalu lama dan tidak terlalu sekejap (al-Marghinani, 2008; al-Musili, 2009). Namun bagi nafkah pakaian, mazhab Hanafi meletakkan tempohnya adalah setiap enam bulan berdasarkan keperluan yang berbeza mengikut cuaca semasa musim sejuk dan panas. Sebaliknya al-Sartawi (2017) berpendapat, kewajipan suami memberikan nafkah kepada isteri adalah setiap hari kerana keperluan nafkah itu berlaku setiap hari.

Walau bagaimanapun, kebanyakan ulama tidak menetapkan secara tepat kadar nafkah yang wajib diberikan memandangkan keperluan bagi setiap wanita itu berbeza (al-Sharbini, 2015; Ibn Arafah, 2014). Perkara ini juga perlu dilihat kepada aspek cara mereka dibesarkan mengikut budaya yang dibawa di dalam keluarganya dan kemampuan nafkah yang boleh diberikan oleh suami. Bagi isteri yang dibesarkan dalam kehidupan mewah, pastinya keperluan mereka berbeza dengan mereka yang dibesarkan dalam kehidupan sederhana atau miskin. Begitu juga dari aspek kemampuan suami, Allah SWT hanya memerintahkan agar suami menunaikan semua kewajipannya dengan cara yang baik dan betul (*ma'ruf*) berdasarkan firman Allah SWT:

Maksudnya: *"Dan kewajipan seorang ayah adalah memberi makan dan pakaian kepada para ibu dengan cara yang ma'ruf. Seseorang itu tidak dibebani melainkan menurut kadar kesanggupannya"*. (Surah al-Baqarah: 233)

Imam Syafie dalam kitabnya al-Umm menjelaskan maksud *ma'ruf* dalam ayat tersebut ialah memberikan kepada mereka yang berhak mengikut keperluannya, menunaikannya dengan suka rela bukan terpaksa serta tidak menampakkan sikap tidak tenang semasa melaksanakannya (al-Syafie, 1990). Apabila salah satu di antara sifat-sifat ini ditinggalkan atau diabaikan, maka seseorang itu dianggap telah melakukan kezaliman kerana tidak menunaikan hak orang lain. Justeru, suami perlulah sentiasa berlaku adil dan berusaha sebaiknya untuk memenuhi hak dan keperluan isteri mengikut kadar yang mampu sebagaimana dinyatakan dalam sebuah hadis Nabi SAW:

Maksudnya: *"Sebaik-baik kamu adalah yang mereka paling baik (hubungannya) dengan ahli keluarganya, dan aku adalah yang paling baik di antara kamu kepada ahli keluargaku"*. (Riwayat Ibn Abbas. (al-Quzwayni, t.t.).

5.0 NAFKAH PERKAHWINAN AL-MAFQUD

Dalam mengupas topik ini, penulisan akan membahagikan kepada dua perspektif iaitu *al-mafqud* sebagai orang yang menanggung nafkah (suami) dan *al-mafqud* sebagai orang yang ditanggung nafkah (isteri).

5.1 Suami Sebagai Penanggung Nafkah Telah Hilang (*Al-Mafqud*)

Kehilangan suami selaku pencari nafkah pastinya akan memberikan kesan ke atas tanggungannya terutama isteri. Hal ini kerana kebergantungan isteri ke atas suami kebiasaannya bersifat penuh dan mutlak. Majoriti ulama berpendapat bahawa nafkah adalah wajib ditunaikan boleh dikira sebagai hutang sekiranya suami tidak menunaikan kerana hukum wajib yang disyariatkan dalam Islam ke atas suami adalah kekal. Justeru, isteri boleh menuntut nafkah daripada harta suaminya sepanjang tempoh ketiadaan tersebut. Hadis yang diriwayatkan oleh Saidina Umar al-Khattab dan Saidina Uthman mengenai kisah seorang wanita yang kehilangan suaminya dalam suatu tempoh tanpa sebarang khabar berita lalu Saidina Umar al-Khattab telah memutuskan sebagaimana berikut:

Maksudnya: *"Bagi isteri al-mafqud: hendaklah ia menunggu selama empat tahun. Telah berkata Ibn Umar: "nafkahilah ia daripada harta suaminya, kerana ia telah menahan dirinya terhadap suaminya yang mafqud." Telah berkata Ibn 'Abbas: "Jadinya ia akan berlaku ketidakadilan kerana harta tersebut merupakan sebahagian daripada harta pusaka. Akan tetapi, isteri dibenarkan untuk berhutang. Maka sekiranya suaminya itu kembali, hutang itu dianggap sebagai harta suaminya. Tetapi apabila disahkan meninggal dunia, hutang itu dianggap sebahagian daripada bahagian pusakanya." Maka keduanya berkata, "nafkah itu diberikan kepada isteri selepas empat tahun empat bulan dan sepuluh hari daripada keseluruhan harta suami itu". (Riwayat Ibn 'Abbas dan Ibn Umar)*

Jelaslah bahawa isteri diharuskan mengambil harta suami *al-mafqud* sebagai nafkah namun ia menjadi hutang kepada isteri memandangkan ketidakpastian status pengambilan harta tersebut. Walau bagaimanapun menurut mazhab Hanafi, isteri hanya akan dianggap sebagai berhutang sekiranya diperintahkan Hakim (al-Marghinani, 2008). Namun sekiranya suami kembali dalam keadaan masih hidup, nafkah yang diambil akan kekal menjadi milik isteri kerana harta tersebut adalah sebahagian daripada harta suaminya. Sebaliknya jika suami disahkan meninggal dunia, nafkah tersebut dianggap sebahagian daripada bahagian pusaka isteri dan boleh ditolak daripada hak yang sepatutnya diperolehi. Namun, sekiranya harta yang telah diambil melebihi daripada bahagian pusaka yang sepatutnya diterima, isteri itu perlu memulangkannya semula kerana ia termasuk bahagian pusaka ahli waris yang lain (al-Zuhayli, 2017).

Dari segi kadar nafkah yang boleh diambil oleh isteri pula, al-Zuhayli (1989) menyatakan bahawa isteri boleh mengambil cukup sekadar menafkahi dirinya sendiri. Perkara ini dijelaskan dalam sebuah hadis Nabi SAW:

Maksudnya: *"Daripada 'Aisyah RadhiyAllahu 'anha telah berkata: "Hindun binti 'Utbah telah datang menemui Rasulullah SAW lalu berkata: Wahai Rasulullah, sesungguhnya Abu Sufyan adalah seorang lelaki yang kedekut. Dia tidak memberikan nafkah yang mencukupi untuk aku dan anakku kecuali apa yang telah aku ambil tanpa*

pengetahuannya.” Maka Nabi berkata: “Ambillah daripada hartanya yang cukup untuk dirimu dan anakmu dengan cara yang baik”.
(Riwayat Aisyah. al-Bukhari, 1422. Hadis 5364)

Hadis ini menjelaskan bahawa seorang isteri diharuskan untuk mengambil harta suami dengan cara yang baik meskipun tanpa pengetahuannya berdasarkan sekadar nafkah dirinya dan tidak berlebih-lebihan. Malik bin Anas (1994) menyatakan tempoh pemberian nafkah bagi isteri adalah sepanjang tempoh penantian yang ditetapkan oleh mahkamah. Selepas tamat tempoh tersebut bermulalah tempoh *'iddah* bagi isteri selama empat bulan sepuluh hari, maka pengambilan nafkah ke atas dirinya adalah tidak lagi diharuskan memandangkan *al-mafqud* dianggap telah meninggal dunia dan hartanya dianggap sebagai harta pusaka.

Selain itu, ulama turut bersepakat bahawa kewajipan membayar nafkah tidak akan gugur sekalipun suami itu hilang. Kewajipan tersebut akan dipindahkan kepada pihak lain sebagai wakil ke atas diri *al-mafqud* sepanjang kehilangannya. Bagi al-Marghinani (2008) dan Malik bin Anas (1994), pemerintah adalah pengganti kepada *al-mafqud* sekiranya pemilik harta tidak mengamanahkan kepada sesiapa sebelum kehilangannya. Hal ini dilihat seiring dengan hukum menggunakan harta *al-mafqud* kerana pada asasnya tidak boleh digunakan oleh sesiapa melainkan dengan kebenaran mahkamah. Begitu juga pandangan al-Khin et al. (2015), jika berlaku sesuatu perkara yang menyebabkan tertanggungnya nafkah, maka mahkamah perlu masuk campur untuk menyelesaikannya. Justeru, isteri boleh mengadu kepada mahkamah dan menuntut nafkah dirinya daripada harta *al-mafqud*. Isteri juga perlu bersumpah bahawa suaminya benar-benar telah hilang dan membuktikan dirinya bukanlah seorang yang nusyuz, di samping memastikan tuntutan tersebut dibuat atas dasar kemaslahatan bagi pihak dirinya selama mana tempoh kehilangan itu berlaku (al-Satrawi, 2017; al-Zuhayli, 2017).

5.2 Isteri Sebagai Orang Yang Ditanggung Nafkah Hilang (*Al-Mafqud*)

Bagi keadaan ini, persoalan timbul tentang kewajipan suami untuk memberikan nafkah kepada isteri yang hilang sedangkan kewajipun itu wajib selagi mana isteri itu masih kekal sebagai isterinya. Al-Zuhayli (2017) berpendapat, suami tidak diwajibkan untuk memberikan nafkah sepanjang tempoh kehilangan tersebut disebabkan pengecualian (*'illah*) terhadap keadaan isteri di samping suami tidak dapat menerima sebarang manfaat daripada dirinya. Namun sekiranya isteri kembali dalam keadaan masih hidup dan beliau menuntut nafkah yang tertunggak sepanjang tempoh tersebut, suami perlu menjelaskannya memandangkan isteri bukanlah seorang yang nusyuz dan ia hilang bukan atas kehendak dirinya. Sebaliknya jika isteri redha dengan nafkah yang tidak diberi sepanjang tempoh ketiadaannya, maka perkara tersebut dianggap selesai.

6.0 NAFKAH ANAK-ANAK

Nafkah kepada anak-anak dianggap sebagai nafkah seseorang kepada *furu'*. Ia diperincikan di dalam dalil surah al-Baqarah ayat 233:

Maksudnya: "*Para ibu hendaklah menyusukan anak-anaknya selama dua tahun penuh, iaitu bagi yang ingin menyempurnakan penyusuan. Dan kewajiban ayah memberi makan dan pakaian kepada ibu dengan cara yang ma'ruf. Tidaklah diberatkan seseorang melainkan mengikut kemampuannya. Janganlah menjadikan seseorang ibu itu menderita kerana anaknya, dan (jangan juga menjadikan) seorang ayah itu menderita kerana anaknya; dan waris juga menanggung kewajiban yang tersebut (jika si ayah tiada)".* (Surah al-Baqarah: 233)

Dalam ayat ini, Allah SWT menjelaskan bahawa kewajiban seorang bapa memberikan nafkah terhadap anak-anak adalah wajib, sehingga ia dinyatakan kewajiban ke atas waris sekiranya bapa itu telah tiada. Ia bermakna kewajiban ini tidak terhenti sekalipun bapa itu telah hilang. Syarat pemberian nafkah kepada anak-anak ialah seperti berikut (al-Khin et al. 2015):

- i. Bapa itu mestilah mempunyai lebih harta melebihi keperluan untuk dirinya dan isteri.
- ii. Anak-anak yang fakir iaitu tidak mempunyai harta, masih kecil dan tidak mampu bekerja. Bagi mereka yang telah mencapai umur baligh namun mempunyai salah satu daripada kekurangan atau penghalang seperti sakit yang berpanjangan, kekurangan akal yang waras atau gila, bapa juga bertanggungjawab untuk memenuhi tuntutan nafkah ke atasnya.
- iii. Tidak berbeza agama disyaratkan dari sisi pandangan mazhab Hanbali, manakala jumhur tidak mensyaratkannya berdasarkan dalil di atas (al-Baqarah 2:233). Perkataan "anak-anak" di dalam ayat tersebut berbentuk umum dan tidak dinyatakan mengenai agama. Bahkan, hubungan ibu bapa dan anak-anak akan tetap kekal sampai bila-bila meskipun berbeza agama.

Pada masa yang sama, ibu juga mempunyai peranan dalam menafkahi anak kerana segala keperluan anak wajib ditanggung oleh ibu bapanya sehingga ia mampu untuk menyara hidupnya sendiri. Sekalipun ibu bapa telah bercerai, maka ibu bertanggungjawab bagi pihak anaknya yang masih kecil dalam menuntut nafkah daripada bapa atau bekas suaminya.

7.0 NAFKAH ANAK-ANAK AL-MAFQUD

Bagi kategori nafkah anak-anak *al-mafqud*, perbincangan ulama menyentuh dua aspek iaitu kehilangan orang yang menanggung nafkah (bapa) dan kehilangan orang yang ditanggung nafkah (anak).

Pertama, bapa sebagai penanggung nafkah telah hilang (*al-mafqud*). Sekiranya bapa itu disahkan sebagai orang hilang (*al-mafqud*), sebahagian fuqaha menyatakan bahawa nafkah anak akan berpindah kepada waris yang lain seperti isteri (al-Zuhayli, 1989). Menurut al-Khin et al. (2015); al-Sharbini (2015), datuk dalam kalangan *al-usul* berkewajipan untuk memberi nafkah kepada anak-anak atau cucu dan ke bawah (*al-furu'*). Begitu juga al-Buhuti (2008) berpandangan nafkah

anak berpindah kepada saudara sebelah bapa atau saudara sebelah ibu sekiranya bapa tiada. Pendapat al-Kasani (1986) pula ialah saudara-saudara yang haram dikahwini (*mahram*) dengan syarat mereka itu mestilah berkemampuan untuk bekerja dan mencari nafkah bagi membiayai keperluan anak-anak itu. Meskipun anak-anak itu memiliki harta yang banyak, mereka layak diberikan nafkah daripada harta *al-mafqud* namun dihadkan hanya sepanjang tempoh penantian sahaja selagi ia memenuhi syarat yang ditetapkan oleh syarak (al-Zuhayli, 2017). Setelah berakhirnya tempoh tersebut, mereka tidak perlu diberi nafkah daripada harta bapanya yang hilang kerana mereka bukan lagi di bawah tanggungan *al-mafqud* dan harta tersebut dianggap sebagai pusaka.

Kedua, anak sebagai orang yang ditanggung nafkah hilang (*al-mafqud*). Bagi kategori anak-anak yang hilang, pengkaji mendapati ulama tidak banyak membincangkan perkara ini dari aspek kewajipan. Namun secara umumnya, ulama mensyaratkan pemberian nafkah ke atas anak-anak menjadi wajib disebabkan tiga perkara sepertimana yang dinyatakan sebelum ini (Ibn Qudamah, 1968). Adapun seorang bapa sekiranya ia berkehendak untuk tetap memberikan nafkah kepada anak-anak yang telah hilang adalah diharuskan kerana kewajipan ini adalah sama seperti anak-anak yang masih hidup. Tujuan pemberian nafkah kepada anak-anak adalah bagi memenuhi keperluan mereka mengikut keadaan dan waktu. Di sisi pandangan al-Zuhayli (2017), jika dilihat tiada keperluan pemberian itu dilakukan, maka gugur kewajipan nafkah bapa terhadap anak yang hilang.

Menurut ulama Mazhab Syafie, seorang bapa yang tidak memberikan nafkah kepada anak-anak dianggap sebagai hutang sekiranya mereka enggan membayarnya selepas diperintahkan oleh mahkamah (al-Zuhayli, 2017). Dalam keadaan bapa *al-mafqud*, pemberian nafkah terhadap anak-anak akan menjadi wajib sekiranya diperintahkan oleh mahkamah. Bagi mazhab Hanafi pula, bapa tidak dianggap sebagai berhutang sama ada diperintahkan atau sebaliknya. Ini kerana kewajipan pemberian nafkah kepada anak-anak adalah tidak sama seperti pemberian nafkah kepada isteri (al-Zuhayli, 2017).

8.0 NAFKAH IBU BAPA

Mengikut hukum asal, ulama mewajibkan pemberian nafkah anak-anak (*al-furu'*) terhadap ibubapa dan ke atas (*al-usul*). Antara dalil yang menerangkan tentang kewajipan ini adalah berdasarkan firman Allah SWT dalam surah Luqman:

Maksudnya: "*Dan jika keduanya memaksamu untuk mempersekutukan Aku dengan sesuatu yang tidak ada pengetahuanmu tentang itu, maka janganlah kamu mengikuti keduanya, dan pergaulilah keduanya di dunia dengan baik, dan ikutilah jalan orang yang kembali kepada-Ku, kemudian hanya kepada Aku tempatmu kembali, maka akan Aku jelaskan kepadamu apa yang telah kamu kerjakan*". (Surah Luqman: 15)

Ayat ini menjelaskan bahawa Allah SWT memerintahkan kepada anak-anak agar sentiasa berbuat baik kepada kedua ibubapa. Menurut al-Khin et al. (2015), anjuran berbuat baik ini adalah termasuk aspek mengambil tanggungjawab memberi

nafkah kepada ibubapa ketika diperlukan. Walau bagaimanapun, kewajipan nafkah ke atas ibubapa ini berdasarkan dua syarat berikut (al-Hisni, 2009):

- i. Anak berkemampuan iaitu mempunyai lebih harta dan mampu bekerja. Sekiranya harta seseorang itu hanya mampu diberikan kepada isteri dan anak-anak, maka kewajipan nafkah kepada ibubapa itu gugur dan tidak diwajibkan. Namun sekiranya seseorang itu mempunyai lebih harta selepas pemberian nafkah kepada isteri dan anak-anaknya, namun lebih tersebut hanya mencukupi untuk salah seorang daripadanya, maka nafkah tersebut hendaklah diberikan kepada ibu daripada bapa (al-Khin et al., 2015). Hal ini berdasarkan kepada kaedah fiqh (Abdul Aziz Muhammad Azzam, 2005) iaitu sesuatu yang tidak dapat dipenuhi kesemuanya, tidak boleh ditinggalkan kesemuanya.
- ii. Ibubapa itu tergolong dalam kalangan orang fakir, tidak mampu bekerja dan tidak boleh memenuhi keperluan dirinya sendiri.

Berdasarkan kedua-dua syarat yang dinyatakan, didapati bahawa pemberian nafkah kepada ibubapa adalah tidak wajib namun ia digalakkan oleh syarak. Hal ini dianggap sebagai suatu penghargaan kepada ibubapa sebagaimana firman Allah SWT dalam surah al-Ankabut ayat 8:

Maksudnya: "*Dan Kami wajibkan manusia (berbuat) kebaikan kepada dua ibubapanya*". (Surah al-Ankabut: 8)

9.0 NAFKAH IBU BAPA AL-MAFQUD

Menurut al-Zuhayli (2017), kewajipan nafkah ke atas ibubapa adalah tidak wajib namun ia wajib ditunaikan sekiranya perkara tersebut dilakukan sebelum *al-mafqud* hilang. Sekiranya *al-mafqud* tidak menanggung nafkah ibubapa sebelum ia hilang, maka ia tidak berkewajipan memberikan nafkah sekalipun ibubapa *al-mafqud* jatuh miskin dan fakir selepas kehilangan itu berlaku. Hal ini kerana, seseorang yang telah hilang tidak boleh dipertanggungjawab ke atas sesuatu yang berlaku semasa atau selepas ketiadaannya. Kewajipan ini juga dilihat berdasarkan hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah mengenai turutan keutamaan nafkah bermula daripada isteri, anak-anak dan kemudian barulah ibubapa. Memandangkan suami *al-mafqud*, pemberian nafkah daripada harta *al-mafqud* perlu diutamakan kepada isteri dan anak-anak mereka memandangkan hubungan yang dekat dengan *al-mafqud*. Namun sekiranya *al-mafqud* kembali dalam keadaan masih hidup, maka kewajipan memberikan nafkah terhadap ibubapa adalah kekal.

10.0 KESIMPULAN

Kehilangan *al-mafqud* selaku pencari nafkah tentunya akan memberikan kesan besar terhadap keluarga dan tanggungannya terutama isteri, anak-anak dan ibubapa. Adalah menjadi kewajipan dalam Islam bagi memastikan sepanjang tempoh kehilangan tersebut kehidupan mereka sentiasa terbela maka penulisan ini telah memberikan membincangkan tentang pelaksanaan nafkah kepada isteri, anak-anak dan ibubapa *al-mafqud* termasuk mereka yang akan menguruskan tanggungjawab

sepanjang tempoh kehilangannya. Terdapat dua keadaan *al-mafqud* yang diketengahkan dalam penulisan ini iaitu *al-mafqud* sebagai orang yang menanggung nafkah dan *al-mafqud* sebagai orang yang ditanggung nafkah. Berdasarkan perbincangan terdapat perbezaan di segi hukum terhadap keduanya. Bagi *al-mafqud* sebagai orang yang menanggung nafkah, kewajipan nafkah terhadap isteri dan anak-anak adalah kekal wajib manakala nafkah terhadap ibubapa pula adalah bergantung kepada pelaksanaan *al-mafqud* sebelum ia hilang. Bagi *al-mafqud* sebagai orang yang ditanggung pula nafkah tidak diwajibkan ke atasnya sehingga *al-mafqud* kembali semula dalam keadaan masih hidup.

Sumbangan Pengarang

Borham, A. S., Abd Shakor, N. A. & Muda, M. Z., terlibat secara kolektif dalam setiap peringkat penghasilan artikel ini, termasuk penyediaan pengenalan, perbincangan dan penyusunan idea, semakan gaya bahasa, serta penyuntingan draf akhir.

Penolakan Tuntutan

Manuskrip ini belum diterbitkan di tempat lain dan semua penulis telah bersetuju dengan penyerahannya dan mengisytiharkan tiada konflik kepentingan pada manuskrip.

RUJUKAN

Al-Quran.

Abdul Aziz Muhammad Azzam. (2005). *al-Qawaidh al-Fiqhiyah*. Dar al-Hadith: Kaherah.

Abi Daud, S. bin al-'Asy'ath al-A. al-S. (2009). *Sunan Abi Daud*. S. Al-Arnut & Muhammad Kamil Qurrah Balali (Pnyt.) hlm. Dar al-Risalah al-'Alamiyah: Beirut.

al-Buhuti, Mansur bin Yunus bin Idris. (2008). *Kashshaf al-Qina' an Matan al-Iqna*. Wizarah al-Adl fi al-Mamlakah al-Arabiyah al-Saudiyah.

al-Bukhari, Burhan al-Din ibn Mazah. (2004). *al-Muhit al-Burhani*. Abdul Karim Sami al-Jundi (pnyt.). Bayrut: Dar al-Kutub al-Ilmiyah.

al-Hisni, Taqiuddin Abu Bakr bin Muhammad. (2009). *Kifayah al-Akhyar fi Halli Ghayah al-Ikhtisar Sharh Matan Abi Shuja'*. Ed. ke-2. Damshiq: Mua'ssasah al-Risalah Nashirun.

al-Kasani, Ila' al-Din Abu Bakr bin Mas'ud bin Ahmad. (1986). *Bada'ie al-Sana'e fi Tartib al-Shara'e*. Bayrut: Dar al-Kutub al-Ilmiyah.

al-Khin, Mustafa, al-Bugha, Mustafa & al-Syarbaji, Ali. (2015). *al-Fiqh al-Manhaji ala Mazhab al-Imam al-Syafie*. Ed. ke-15. Damshiq: Dar al-Qalam.

al-Marghinani, Burhan al-Din., Ali Abi al-Hassan bin Abi Bakr bin Abdu al-Jalil al-Farghani. t.th. *Matan Bidayah al-Mubtadi fi Fiqh al-Imam Abi Hanifah*. Qahirah: Maktabah Muhammad Ali Subh.

- al-Marghinani, Burhan al-Din., Ali Abi al-Hassan bin Abi Bakr bin Abdu al-Jalil al-Farghani. (2008). *al-Hidayah Sharh Bidayah al-Mubtadi*. Qahirah: Dar al-Hadith.
- al-Musili, Abdullah bin Mahmud bin Maulu. (2009). *al-Ikhtiyar li Ta'lil al-Mukhtar*. Abdullah al-Manshawī (pny.) Qahirah: Dar al-Hadith.
- al-Nawawi, Abu Zakariya Muhyi al-Din Yahya bin Sharaf. (2005). *Minhaj al-Talibin wa Umdah al-Mutqin*. Muhammad Muhammad Tahir Syaban (pny.). Bayrut: Dar al-Minhaj.
- al-Sartawi, Mahmud Ali. (2017). *Fiqh al-Ahwal al-Shakhsyah*. Ed. ke-3. Amman: Dar al-Fikr.al-Shalabiy.
- al-Syafie. (1990). al-Umm. Bayrut: Dar al-Ma'rifat.
- al-Sharbini, Shams al-Din Muhammad bin Ahmad al-Khatib. (1994). *Mughni al-Muhtaj ila Ma'rifah Ma'ani Alfaz al-Minhaj*. Ed. ke-1. Bayrut: Dar al-Kutub al-Ilmiyah.
- al-Sharbini, Shams al-Din Muhammad bin Ahmad al-Khatib. (2000). *Mughni al-Muhtaj ila Ma'rifah Ma'ani Alfaz al-Minhaj*. Ali Muhammad Mu'auwidh & Adil Ahmad Abdul Maujud (pny.). Bayrut: Dar al-Kutub al-Ilmiyah.
- al-Sharbini, Shams al-Din Muhammad bin Ahmad al-Khatib. (2015). *al-Iqna fi Halli Alfaz Abi Shuja'*. Qasim Muhammad Agha al-Nuri (pny.). Ed. ke-1. Bayrut: Maktabah Dar al-Fajr.
- al-Zuhayli, Wahbah. (1989). *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuhu*. Damshiq: Dar al-Kutub al-Ilmiyah.
- al-Zuhayli, Wahbah. (2017). *Mawsu'ah al-Fiqh al-Islami wa al-Qadhaya al-Muasirah*. Ed. ke-4. Damshiq: Dar al-Fikr.
- Berita Harian, 30 Januari 2015, "Kemungkinan Penumpang, Kru Pesawat Terselamat Tipis".
- Mohamed Hadi Abd. Hamid. (2014). "Anggapan Kematian *al-Mafqud* menurut Undang undang Sivil dan Syariah: Satu Penilaian Semasa," dlm. *Kanun: Jurnal Undang-undang Malaysia* 26:1.
- Ibn Arafah, Muhammad bin Muhammad. (2014). *al-Mukhtasar al-Fiqhi li ibn Arafah*. Hafiz Abdul Rahman Muhammad Khayr (pny.). Mu'assasah Khalaf Ahmad al-Khaptur li al-Amal al-Khayriyah.
- Ibn Abidin, Muhammad Amin bin Umar bin Abdul Aziz. (1992). *al-Durr al-Mukhtar wa Hashiyah ibn Abidin*. Ed. ke-2. Bayrut: Dar al-Fikr.
- Ibn Manzur, Muhammad ibn Mukarram. 1414. *Lisan al-Arab*. Ed. ke-3. Bayrut: Dar al-Sadir.
- Majma' al-Lughah al-Arabiyah. (2004). *al-Mu'jam al-Wasit*. al-Qahirah: Maktabah al-Shuruk al-Dawliyah.
- Malik bin Anas bin Malik bin Amir al-Asabi al-Madani. (1994). *al-Mudawwanah*. Dar al-Kutub al-Ilmiyah.
- Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, (2015). "Isu Khas: Penjelasan Hukum terhadap Mangsa MH370" dlm. *Bayan Linnes Ke-11* (Siri Khas). http://www.muftiwp.gov.my/index.php?option=com_content&view=article&id=204. (Diakses pada 15 Mac 2015).
- "Tragedi MH370." <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/tragedi-mh370>. (Diakses pada 3 Jun 2014).